

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB]**

**TARIKH JAWAPAN : 8 JUN 2015 (ISNIN)**  
**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN :**

**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan:-**

- (a) berapakah jumlah sebenarnya Janakuasa Bebas (IPP) dalam negara ini semenjak Janakuasa Bebas IPP pertama TNB dengan YTL; dan
- (b) sila nyatakan harga belian tenaga yang diberi kepada YTL – berapa sen/kWj

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Jumlah Penjana kuasa Bebas (*Independent Power Producer – IPP*) yang telah diwujudkan sejak tahun 1994 di Semenanjung adalah sebanyak 20 stesen jana kuasa, yang mana 15 daripadanya sedang beroperasi, manakala 5 IPP lagi masih dalam peringkat pembinaan.

Senarai IPP tersebut adalah seperti berikut:

<b>No.</b>	<b>Loji Janakuasa Yang Dalam Operasi</b>	<b>Kapasiti (MW)</b>
1.	YTL Power Generation Sdn. Bhd.	1,170
2.	Segari Energy Ventures Sdn. Bhd	1,303
3.	Kuala Lumpur Power Plant Sdn. Bhd.	720
4.	Port Dickson Power Sdn. Bhd.	436.4
5.	Powertek Sdn. Bhd.	434
6.	Pahlawan Power Sdn. Bhd.	322
7.	Panglima Power Sdn. Bhd.	720
8.	Teknologi Tenaga Perlis Consortium Sdn. Bhd.	650
9.	Prai Power Sdn. Bhd.	350
10.	GB3 Sdn. Bhd.	640
11.	Kapar Energy Ventures Sdn. Bhd.	2,050
12.	Tanjung Bin Power Sdn. Bhd.	2,100
13.	Jimah Energy Ventures Sdn. Bhd.	1,400
14.	TNB Janamanjung Sdn. Bhd.	2,070
15.	TNB Janamanjung Sdn. Bhd. (M4)	1,000
<b>JUMLAH</b>		<b>15,365.4</b>

No.	Loji Janakuasa Dalam Peringkat Pembinaan	Kapasiti (MW)
1.	TNB Prai Sdn. Bhd.	1,071
2.	Tanjung Bin Energy Sdn. Bhd.	1,000
3.	TNB Manjung Five Sdn Bhd	1,000
4.	Jimah East Power Sdn Bhd	2,000
5.	Edra Solar Sdn. Bhd.	2,400
<b>JUMLAH</b>		<b>7,471</b>

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

2. Harga belian tenaga daripada IPP termasuk YTL adalah tertakluk kepada terma-terma yang terdapat dalam Perjanjian Pembelian Tenaga atau *Power Purchase Agreement* (PPAs), dengan izin, yang telah ditandatangani antara pihak TNB dengan setiap IPP yang telah dianugerahkan dengan sesuatu projek penjanaan. Dalam hal ini, harga belian tenaga daripada YTL adalah tertakluk kepada perjanjian yang telah dipersetujui dan akan diguna pakai sehingga tamat tempoh PPA yang berkaitan. Maklumat dalam perjanjian adalah sulit antara dua entiti komersial dan perlu dihormati oleh semua pihak. Namun, saya nyatakan di sini bahawa, Kerajaan akan memastikan tarif elektrik yang ditetapkan adalah bersesuaian dan tidak membebankan pengguna-pengguna elektrik.

\*\*\*\*\*